

**SOALAN NO. 16****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini terhadap status 543,363 anak dilahirkan dengan status "tidak sah taraf" di Negara ini dan apakah usaha untuk mengurangkan keadaan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Menurut Jabatan Pendaftaran Negara, kelahiran anak tak sah taraf akan didaftarkan di bawah Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia, Seksyen 10 Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 [Cap 123] bagi negeri Sabah dan Seksyen 9 Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 [Cap 10] bagi negeri Sarawak.

Istilah anak tak sah taraf digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam situasi seperti mana berikut:

1. Ibu dan bapa tidak berkahwin;
2. Kedua ibu dan bapa berkahwin tetapi-
  - (a) tidak didaftarkan mengikut peraturan dan undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa; atau

- (b) bagi yang beragama Islam, anak dilahirkan tidak mencukupi enam bulan *Qamariah* dan dua *lahzah* daripada tarikh perkahwinan; atau
- (c) perkahwinan luar negara tidak didaftarkan semula sama ada di JPN bagi pasangan bukan Islam atau di Jabatan Agama Islam Negeri bagi pasangan yang beragama Islam.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai usaha preventif mengekang kelahiran anak tidak sah taraf, Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan telah diluluskan bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam kesihatan reproduktif. Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan ini menjadi panduan tindakan bersepadu pelbagai pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), sebuah agensi di bawah KPWKM telah melaksanakan pelbagai program pencegahan dan perlindungan. LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah melaksanakan projek rintis **PEKERTI@SEKOLAH**, iaitu Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 (Penilaian Tahap 3) dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012. Pada tahun 2012 hingga 2015, seramai 10,025 orang pelajar dari 141 buah sekolah telah mengikuti projek rintis ini. Seterusnya di bawah Projek United Nations Population Fund (UNFPA) 2017, sebanyak 40 buah sekolah di seluruh Malaysia telah dipilih untuk menjalankan program ini bermula Oktober hingga November 2017.

Selain itu, **Program PEKERTI@PLKN** yang telah bermula pada tahun 2011 merupakan program kepada peserta PLKN. Secara spesifik, program ini memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Sejak diperkenalkan pada Jun 2011 hingga tahun 2015, seramai 267,121 pelatih PLKN telah mendapat manfaat daripada program ini.

Bagi membantu guru dalam menyampaikan subjek kesihatan reproduktif di sekolah, LPPKN telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melatih para pensyarah Institut Perguruan Malaysia (IPGM) bagi melaksanakan program **PEKERTI@IPGM**. Program ini disasarkan kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Sehingga Oktober 2015, seramai 2,118 orang pensyarah dan bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan daripada 25 buah IPGM telah mengikuti program **PEKERTI@IPGM** ini.

Pada tahun 2015, Program **PEKERTI** disebar luas kepada pelajar Kolej Komuniti melalui pelaksanaan Program Rintis **PEKERTI@Institut**. Seramai 31 orang pensyarah dari 14 buah Kolej Komuniti seluruh Sabah dan Sarawak telah terlibat dalam Bengkel Kejurulatihan Modul **PEKERTI**. Hasilnya, seramai 334 orang pelajar Kolej Komuniti telah mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk menghindari dan mengurangkan tingkah laku seksual yang berisiko yang boleh mengakibatkan kehamilan yang tidak dirancang, penyakit jangkitan seksual dan jangkitan HIV. Pada tahun 2017, program ini diteruskan di bawah Projek UNFPA yang melibatkan 17 orang pensyarah daripada 12 buah kolej komuniti dari seluruh Semenanjung Malaysia. Sehingga September, seramai 360 orang pelajar kolej komuniti telah terlibat dengan program ini.

LPPKN juga telah melebarkan tugasnya dengan memberikan program pendidikan kesihatan reproduktif **PEKERTI@KOMUNITI** kepada golongan berisiko tinggi pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi JKM, remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), dan pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Sejak tahun 2014 hingga September 2017, sebanyak 181 buah program telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 6,717 orang remaja dan 1,788 orang ibu bapa.

Sebagai usaha berterusan untuk memastikan remaja mempunyai rujukan berhubung kesihatan reproduktif, LPPKN telah mewujudkan **Pusat Remaja Kafe@TEEN**. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal. Sebanyak 16 buah pusat remaja kafe@TEEN telah diwujudkan setakat ini, termasuk 2 buah di *Urban Transformation Centre* (UTC) di Keramat, Kuala Lumpur dan Presint 16, Putrajaya.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK LIANG TECK MENG**  
**[SIMPANG RENGAM]**  
**TARIKH** : **8 NOVEMBER 2017 [RABU]**  
**SOALAN** : **17**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah visi komprehensif Kementerian dalam mengoptimumkan keupayaan penyelidikan dalam pembangunan *Artificial Intelligence*.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengenal pasti 5 bidang teknologi yang berpotensi memberi impak yang tinggi ke arah membentuk Malaysia yang progresif di masa hadapan iaitu Nanoteknologi, Bioteknologi, Teknologi Digital, Teknologi Hijau dan Neuroteknologi. Berbanding 5 teknologi tersebut, *Artificial Intelligence* merupakan salah satu komponen yang telah dikenalpasti terletak di bawah bidang Teknologi Digital.

Pada masa ini, MOSTI dengan kerjasama Kementerian dan agensi lain sedang merangka mekanisme tadbir urus penyelarasan inisiatif 4IR di peringkat nasional di mana komponen pembangunan teknologi *Artificial*

*Intelligence* akan diberi tumpuan sewajarnya. Selain itu, MOSTI melalui agensi-agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan teknologi *Artificial Intelligence* sejajar dengan keperluan Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) dan ekonomi digital (*digital economy*).

Antaranya ialah pihak CyberSecurity Malaysia sedang melaksanakan beberapa projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) berteraskan *Artificial Intelligence* untuk diaplikasi dalam bidang keselamatan siber, pertahanan forensik dan forensik digital. Selain itu, teknologi *Artificial Intelligence* turut digunakan dalam bidang analisis ramalan (*predictive analysis*) seperti analisis sentimen (*sentiment analysis*), pemprosesan data kod berbahaya (*malware data processing*) dan sistem biometrik (*biometric system*).

Manakala bagi MIMOS Berhad, teknologi *Artificial Intelligence* digunakan dalam bidang R&D berasaskan *Big Data Analytics* (BDA), *Internet of Things* (IoT) dan *cloud computing*. Melalui Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding, MoU*) yang telah ditandatangani antara MIMOS dan Huawei, agensi ini telah berupaya untuk membangunkan penyelesaian teknologi dengan menggunakan platform *Huawei Openlab* dan Platform Inovasi Terbuka MIMOS (*MIMOS Open Innovation Platform*). Selain itu, kerjasama yang dilaksanakan juga turut meliputi pembangunan pengangkutan pintar, kawalan kesesakan, parkir pintar dan pengawasan pintar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MOSTI juga menyediakan kemudahan penyediaan dana semenjak Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi menyokong R&D dalam teknologi *Artificial Intelligence*.



27

Sebagai contoh, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, MOSTI telah meluluskan peruntukan sebanyak RM127,600.00 bagi membiayai projek R&D dalam pembangunan *Artificial Intelligence* melalui projek '*Novel Approach for Fruit Quality Evaluation Using Artificial Intelligence based 3D Mapping*'. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengautomasi penilaian kualiti bagi buah yang mempunyai nilai eksport (*export value*) seperti belimbing, betik dan tembikai. Berdasarkan penggunaan teknologi *stereo vision system*, imej dalam bentuk 3 dimensi yang dihasilkan dapat memberi maklumat seperti klasifikasi pematangan, kecacatan bentuk (*shape defect*) dan kecacatan permukaan (*surface defect detection*) buah. Ini bagi memastikan pengeksportan buah-buahan adalah mematuhi piawaian eksport seperti mana yang ditetapkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh MOSTI menunjukkan komitmen berterusan Kementerian untuk merakyatkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) bagi manfaat serta faedah kepada rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.